

**JAWAPAN PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS
SEMPENA MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN NEGERI PAHANG KE-14**

.....

**YB. ENCIK SIM CHON SIANG,
- ADN KAWASAN TERUNTUM**

PERTANYAAN 1.

Jambatan kedua Tanjung Lumpur yang menghubungkan Jalan Tanah Putih.

- a) Bilakah ianya akan dibuka untuk kegunaan orang ramai?
- b) Apakah sebab atau punca yang menyebabkan kelewatan dalam menyiapkan pembinaan ini?
- c) Berapakah jumlah kos keseluruhan projek ini?

JAWAPAN DARIPADA JABATAN KERJA RAYA NEGERI PAHANG

- a) Tarikh siap semasa Projek Jambatan Kedua Tanjung Lumpur adalah pada 25 September 2020 dan dijangka akan dibuka untuk kegunaan orang ramai pada sekitar bulan Oktober 2020.
- b) Punca kelewatan disebabkan oleh:
 - 1. Kerja-kerja meroboh dan membina semula pencawang Tenaga Nasional Berhad (TNB).
 - 2. Meroboh tangki air sedia ada Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).
 - 3. Arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).
- c) Harga asal kontrak adalah RM161,438,000.00 dan harga kontrak semasa projek adalah RM155,864,104.10.

PERTANYAAN 2.

Menara Kuantan 188.

Menara Kuantan 188 bakal menjadi mercu tanda baharu bandar Kuantan yang pastinya menjadi kebanggaan penduduk daerah ini, sekali gus membantu merancakkan lagi ekonomi dan sebagai salah satu penjana ekonomi kepada negeri Pahang.

- a) Bilakah tarikh sebenar ianya akan dibuka kepada umum?
- b) Pihak/syarikat manakah yang akan dipertanggungjawabkan untuk mengurus dan menyelenggara menara ini? Dan berapakah bayaran yang dikenakan oleh pihak/syarikat berkenaan?
- c) Berapakah jumlah kos untuk seluruh pembinaan tersebut?

JAWAPAN DARIPADA MAJLIS PERBANDARAN KUANTAN

- a) Tarikh pembukaan akan ditentukan oleh kerajaan negeri selepas proses rundingan terma tawaran kepada Syarikat OWG Holding Berhad dimuktamadkan.
- b) Bayaran naik menara dan caj-caj berkaitan belum diputuskan.

Kos pembinaan menara RM64 juta di bawah ECERDC.

JAWAPAN DARIPADA ECERDC

- a) Menara Kuantan 188 telah diserahkan oleh ECERDC kepada pihak Kerajaan Negeri Pahang pada 26 Februari 2020.

Maklumat lanjut berkenaan pembukaan Menara 188 kepada umum boleh dirujuk kepada pihak Majlis Perbandaran Kuantan.

- b) Maklumat lanjut berkenaan syarikat yang akan dipertanggungjawabkan untuk pengurusan dan penyelenggaraan Menara 188 boleh dirujuk kepada pihak Majlis Perbandaran Kuantan.
- c) Jumlah kos keseluruhan pembinaan Menara 188 ialah sebanyak RM64 juta.

PERTANYAAN 3.

Wisma Persekutuan.

Masalah penyaman udara tidak berfungsi di kebanyakan tingkat dalam bangunan kerajaan Wisma Persekutuan.

- a) Berapa lamakah penyaman udara berkenaan telah digunakan dalam bangunan tersebut?
- b) Apakah tindakan yang diambil oleh pihak yang bertanggungjawab dalam mengatasi masalah tersebut yang telah sekian lama berlaku?

JAWAPAN DARIPADA JABATAN KERJA RAYA NEGERI PAHANG

Bangunan Gunasama Kerajaan Persekutuan adalah merupakan hak milik Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH), Jabatan Perdana Menteri. Kementerian Kerja Raya bertanggungjawab untuk kerja-kerja mengawal selia, memantau dan memastikan penyenggaraan Bangunan Gunasama Persekutuan di seluruh negara dilaksanakan menepati perjanjian penswastan.

Kementerian Kerja Raya telah melantik syarikat konsesi bagi melaksanakan Perkhidmatan Pengurusan dan Penyenggaraan Bangunan Gunasama Kerajaan untuk Zon Timur. Syarikat konsesi bertanggungjawab terhadap pengurusan penyelenggaraan dan perkhidmatan termasuk Program Pembaikan Aset Kritikal (PAK). Untuk makluman, sistem hawa dingin di Bangunan Gunasama Wisma Persekutuan Kuantan merupakan salah satu yang terlibat dengan program tersebut dengan pengawasan oleh Bahagian Pengurusan Fasiliti, Kementerian Kerja Raya Malaysia. JKR Pahang tidak terlibat secara langsung dengan penyelenggaraan bangunan ini.

- a) Sistem hawa dingin yang sedia ada di Bangunan Gunasama Wisma Persekutuan Kuantan telah beroperasi selama 27 tahun bermula pada tahun 1992 hingga sistem gagal berfungsi pada tahun 2019.
- b) Mengikut pada status terkini program PAK di Bangunan Gunasama Persekutuan Pahang pada 16 Julai 2020, pemasangan fizikal telah siap sepenuhnya dan masih dalam peringkat *Trouble shooting & Testing and Commissioning*. Untuk makluman juga, sasaran tarikh baru siap program ini adalah pada 19 Ogos 2020 (70 hari dari tarikh 11 Jun 2020) berdasarkan kehilangan masa akibat PKP (18 Mac hingga 31 Mei 2020). Berdasarkan tarikh sasaran di atas, tarikh pengoperasian secara rasmi sistem penyaman udara tersebut adalah pada 20 Ogos 2020. Namun demikian, pihak KKR telah mengarahkan syarikat konsesi mencari jalan penyelesaian segera dalam tempoh 24 jam untuk mengurangkan ketidakselesaan penghuni di bangunan tersebut.

Berdasarkan maklumat terkini di bangunan, sistem hawa dingin telah beroperasi pada 22 Julai 2020 jam 7.30 pagi. Hanya 2 unit sahaja yang masih dalam *trouble shooting* untuk mencapai suhu yang sepatutnya.

JAWAPAN DARIPADA PEJABAT URUS BANGUNAN

Building Lindungan Sdn. Bhd. adalah merupakan syarikat Konsesi Pengurusan Fasiliti dan Penyenggaraan Komprehensif Bangunan Gunasama Kerajaan Persekutuan Zon Timur. Bagi negeri Pahang, Pengurusan Fasiliti Bangunan Gunasama ini merangkumi Wisma Persekutuan, Kuantan.

Selain daripada Pengurusan Fasiliti, pihak kami juga terlibat dengan Program Pembaikan Aset Kritikal (PAK) di mana ianya melibatkan penggantian aset-aset sedia ada di peringkat bangunan setelah mengambil kira faktor-faktor seperti berikut:

1. Laporan "Condition Appraisal (CA).
2. Beyond Economical Repair (BER).
3. Faktor ketiadaan alat ganti.
4. 'Modernization'.

Dalam konteks di atas, Bangunan Gunasama Wisma Persekutuan, Kuantan telah dipilih dalam menjalankan inisiatif tersebut di bawah Program Pembaikan Aset Kritikal (PAK) melibatkan aktiviti-aktiviti berikut:

1. Kerja penggantian keseluruhan sistem hawa dingin;
 2. Kerja penggantian sistem lif;
 3. Kerja pendawaian semula sistem elektrik; dan
 4. Penggantian baru jana kuasa tunggu sedia.
- a) Melihat kepada justifikasi para (a), sistem hawa dingin sedia ada telah beroperasi selama 27 tahun bermula pada tahun 1992 hingga 2019. Kerja penggantian baru sistem hawa dingin ini telah bermula pada 9 April 2019 dengan tarikh sasaran untuk Testing dan Commissioning pada 31 Mei 2020, Namun begitu, terdapat kelewatan penyiapan projek ini disebabkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) selama 84 hari bermula pada 18 Mac 2020 hingga 10 Jun 2020. Kerja-kerja hanya bermula setelah PKP Pemulihan diumumkan oleh YB Perdana Menteri dan perjalanan merentas negeri dibenarkan mulai 11 Jun 2020.

- b) Mengikut pada status terkini program PAK di Bangunan Gunasama Persekutuan Pahang pada 16 Julai 2020, pemasangan fizikal telah siap sepenuhnya dan pihak kami dalam peringkat *Trouble Shooting & Testing and Commissioning*. Untuk makluman juga, sasaran tarikh baru siap program ini adalah pada 19 Ogos 2020 (70 hari) dari tarikh 11 Jun 2020 berdasarkan kehilangan masa akibat PKP (18 Mac hingga 31 Mei 2020). Kami juga yakin projek ini masih tiada kelewatan kerana berada dalam tempoh yang diluluskan. Kami juga ini memaklumkan kepada ahli mesyuarat bahawa sistem hawa dingin baru yang dipasang di Bangunan Gunasama Persekutuan Kuantan adalah teknologi terkini menggunakan *magnetic bearing* dan yang pertama diguna pakai di Malaysia bagi bangunan kerajaan persekutuan.

Berdasarkan tarikh sasaran di atas, tarikh pengoperasian secara rasmi sistem penyaman udara tersebut adalah 20 Ogos 2020, tetapi pihak kami sedang berusaha mempercepatkan agar tarikh pengoperasian tersebut boleh diawalkan.

Pihak kami memohon maaf atas kesulitan yang dihadapi oleh penjawat awam atas sedikit kelewatan pelaksanaan projek sistem hawa dingin tersebut.

PERTANYAAN 4.

Sekolah Kebangsaan St. Thomas dan Sekolah Menengah Kebangsaan St. Thomas yang terletak di bandar Kuantan, Pahang.

- a) Apakah status terkini tentang projek pembinaan bangunan baharu sekolah-sekolah tersebut?
- b) Bilakah projek untuk pembinaan sekolah-sekolah tersebut akan dijalankan semula?
- c) Berapakah jumlah kos keseluruhan projek pembinaan tersebut?

JAWAPAN DARIPADA JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PAHANG

- a) Jabatan Pendidikan Negeri Pahang memaklumkan bahawa projek pembinaan Kompleks Tengku Abdullah merupakan projek pembinaan gentian SK dan SMK St. Thomas yang telah diluluskan dalam *Rolling Plan 3* RMKe-11 Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri telah mengesyorkan pertukaran tapak lain disebabkan faktor lokasi cadangan projek yang berada di kawasan berpaya, melibatkan kos rawatan tanah yang tinggi dan isu keselamatan. Lokasi baharu projek yang telah dikenal pasti iaitu di KotaSAS bagi memenuhi keperluan penambahan penduduk.
- b) Projek pembinaan akan dilaksanakan setelah semua prosedur permohonan pembinaan sekolah baharu disempurnakan dan diperakui oleh pihak Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.
- c) Kos belum dimuktamadkan disebabkan perubahan ke lokasi baharu.

PERTANYAAN 5.

Menyedari keperluan selain mengambil berat kebajikan rakyat di Pahang, kerajaan negeri telah melaksanakan projek rumah mampu milik di negeri ini.

Sila huraikan:

- a) Berapa jumlah perumahan yang telah siap dibina, lokasi dan jumlah unit?
- b) Jumlah permohonan yang diterima dan berjaya?
- c) Jumlah permohonan mengikut daerah dan kekosongan mengikut daerah?
- d) Sebab-sebab permohonan tidak berjaya?

JAWAPAN DARIPADA PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG (BAHAGIAN PERUMAHAN)

- a) Jumlah rumah mampu milik (PR1MA) yang telah siap dibina adalah berjumlah 4,396 unit rumah yang terletak di daerah berikut:

Bil	Daerah	Bilangan Unit Rumah
1	Bera	574
2	Kuantan	1,796
3	Cameron Highlands	1,148
4	Temerloh	428
5	Maran	124
6	Jerantut	114
7	Raub	212
Jumlah Keseluruhan		4,396

- b) Jumlah permohonan yang telah diterima adalah 39,798 permohonan. Bagi permohonan yang telah ditawarkan pula 14,338.

c) Jumlah permohonan mengikut daerah dan kekosongan adalah seperti berikut:

Bil	Daerah	Bilangan Permohonan	Bilangan Kekosongan
1	Kuantan	18,730	6,202
2	Maran	2,761	382
3	Temerloh	3,321	1,112
4	Bera	2,135	1,247
5	Jerantut	2,086	537
6	Pekan	870	1,417
7	Rompin	1,574	2,357
8	Raub	1,614	507
9	Bentong	2,548	240
10	Lipis	2,431	403
11	Cameron Highlands	1,728	2,187

d) Antara sebab-sebab permohonan tidak berjaya adalah:

- Pemohon tidak menepati syarat permohonan.
- Tidak lulus pinjaman di institusi perbankan.
- Jumlah permohonan melebihi jumlah rumah yang dibina di kawasan dipohon.

PERTANYAAN 6.

COVID-19.

Pandemik COVID-19 wabak penyakit koronavirus 2019 yang berterusan secara global dan terkesan di negeri Pahang khususnya.

Apakah bentuk bantuan dan berapakah peruntukan yang telah disumbangkan oleh Kerajaan Negeri Pahang yang disalurkan mengikut daerah kepada golongan berikut yang terjejas dan diberhentikan kerja akibat wabak COVID-19 di negeri Pahang?

- a) Golongan B40.
- b) Ibu tunggal.
- c) Belia.
- d) OKU.

JAWAPAN DARIPADA PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN NEGERI PAHANG

Kerajaan Negeri Pahang telah memberikan bantuan kepada golongan yang memerlukan yang terkesan akibat penularan wabak COVID-19. Bantuan yang diberikan adalah dalam bentuk wang tunai dan barangan keperluan asas. Jumlah keseluruhan bantuan yang telah disalurkan adalah sebanyak RM12 juta.

JAWAPAN DARIPADA PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG (BAHAGIAN PERUMAHAN)

Bentuk bantuan yang telah disumbangkan oleh Kerajaan Negeri Pahang ialah:

- Kerajaan Negeri Pahang telah bersetuju memberikan pengecualian bayaran sewa rumah Projek Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR)/Rancangan Rumah Murah (RRM) iaitu diskaun sebanyak 100% daripada kadar bayaran asal sewaan tersebut bagi bulan April dan Mei 2020.
- Potongan sewaan sebanyak 100% ini tidak perlu dibayar semula kepada Kerajaan Negeri Pahang.
- Potongan sewaan sebanyak 100% bagi bulan April dan Mei 2020 dianggarkan berjumlah RM600,000.00 yang melibatkan 2,453 penyewa.

JAWAPAN DARIPADA JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI PAHANG

Kerajaan Negeri Pahang amat prihatin terhadap rakyat yang memerlukan perhatian, sokongan dan bantuan untuk meneruskan kelangsungan hidup dalam menghadapi wabak COVID-19.

Antara bentuk bantuan yang telah disalurkan oleh Kerajaan Negeri Pahang kepada golongan yang terjejas akibat wabak COVID-19 di negeri Pahang ialah:

1. Bantuan kewangan bulanan (Bantuan Am) bagi keluarga yang memperolehi pendapatan di bawah Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Semasa.
 - a) Peruntukan bantuan kewangan bulanan (Bantuan Am) yang disalurkan oleh kerajaan negeri bagi tahun 2020 adalah sebanyak RM13,710,000.00.
 - b) Penerima bantuan kewangan bulanan (Bantuan Am) sehingga Julai 2020 adalah sebanyak 2,840 orang.
2. Tabung Kumpulan Wang Amanah Jawatankuasa Malapetaka (KWAMP) Negeri Pahang.
 - a) Kerajaan negeri telah menyediakan satu tabung khusus untuk membantu rakyat negeri Pahang yang ditimpa bencana yang dikenali sebagai Tabung Kumpulan Wang Amanah Jawatankuasa Malapetaka (KWAMP) Negeri Pahang. Ia telah ditubuhkan di bawah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957. Tabung ini bertujuan untuk menanggung perbelanjaan berkaitan pemberian bantuan seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal dan apa-apa juga perbelanjaan yang bertanggung semasa kerja-kerja pemulihan mangsa bencana.
 - b) Sehingga 10 Julai 2020, perbelanjaan bagi pengurusan bencana negeri Pahang adalah sebanyak RM807,782.00. Perbelanjaan ini termasuklah menguruskan mangsa wabak COVID-19.
 - c) Mulai bulan Mei 2020, kerajaan negeri telah menaikkan peruntukan tahunan Tabung Kumpulan Wang Amanah Jawatankuasa Malapetaka (KWAMP) Negeri Pahang daripada RM2 juta kepada RM3 juta.

3. Bantuan bakul makanan COVID-19.
 - a) Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pahang telah menerima peruntukan sebanyak 22,000 unit bakul makanan untuk diagihkan kepada keluarga yang terkesan secara langsung di bawah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang melibatkan perbelanjaan sebanyak RM1,650,000.00.
 - b) Pengagihan dibuat adalah berdasarkan kepada aduan yang diterima melalui panggilan telefon ke Bilik Gerakan JKM Negeri/Daerah/Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) Daerah, Talian Kasih 15999 dan rujukan pemimpin tempatan.
 - c) Di samping itu, pengagihan bantuan bakul makanan kepada mangsa yang terkesan dengan wabak COVID-19 ini mendapat kerjasama yang erat daripada Sekretariat Bencana Negeri Pahang, APM, RELA dan Sukarelawan Kebajikan.

4. Kolaborasi Strategik dengan Sekretariat Bencana Negeri Pahang.
 - a) Sekretariat Bencana Negeri Pahang diwujudkan bagi menyelaras 48 pertubuhan sukarelawan bencana di negeri ini agar lebih teratur, sistematik dan strategik dari segi pengurusan dan pergerakan bantuan ketika bencana.
 - b) Sekretariat ini turut membantu agensi-agensi yang terlibat dalam pengurusan bencana di seluruh negeri Pahang sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 18 Mac lalu.
 - c) Kolaborasi strategik antara sekretariat dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah melancarkan lagi aktiviti pengagihan bantuan keperluan harian kepada individu dan keluarga yang terjejas akibat wabak COVID-19.
 - d) Selain bantuan kerajaan negeri, sekretariat ini turut menerima sumbangan daripada orang awam serta 30 buah Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang prihatin dengan nasib golongan memerlukan termasuk keluarga miskin, warga emas, ibu tunggal, pesakit kronik dan mereka yang terputus bekalan makanan.
 - e) Sekretariat Bencana Negeri Pahang telah mengagihkan bantuan kepada lebih 1,100 ketua keluarga yang membuat permohonan melalui JKM.

5. Intervensi Sokongan Psikologi COVID-19.
 - a) Kerajaan negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pahang turut menyediakan khidmat intervensi sokongan psikologi kepada Person Under Investigation (PUI), komuniti, waris pesakit, petugas JKM dan lain-lain petugas.
 - b) Jenis intervensi yang dijalankan adalah tele-kaunseling, Psychological First Aid, penaksiran psikologi dan bimbingan psikologi.
 - c) Seramai 353 orang yang telah mendapat manfaat melalui pelaksanaan intervensi sokongan psikologi COVID-19 ini.

6. Pusat Perlindungan Sementara Gelandangan Daerah Kuantan
 - a) Penubuhan Pusat Perlindungan Sementara Gelandangan Daerah Kuantan adalah melalui penglibatan MPK, JKM, PDRM, MUIP, AADK, Jabatan Kesihatan Negeri Pahang, Institut Latihan KEMAS, RELA dan pihak Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK).
 - b) Objektif penubuhan pusat ini adalah untuk melindungi dan menyelamatkan gelandangan daerah Kuantan yang diselamatkan melalui operasi daripada wabak COVID-19 selaras dengan hasrat kerajaan negeri iaitu *No One Left Behind*.
 - c) Seramai 37 orang gelandangan yang telah ditempatkan di pusat perlindungan sementara ini.

PERTANYAAN 7.

COVID-19 dan Denggi.

Ketika kita sedang sibuk mengenai isu kesihatan COVID-19, penyakit bawaan nyamuk yang dijangkiti virus denggi juga meningkat seiring dengan COVID-19. Denggi seperti kita sedia maklum juga sangat berbahaya kerana berdasarkan rekod sebelum ini, ia turut meragut nyawa, tidak ada ubat dan langkah terbaik hanyalah melalui pencegahan dengan menjaga kebersihan persekitaran. Pelbagai usaha telah dilakukan oleh pihak bertanggungjawab dalam mencegah wabak berkenaan tetapi kurang mendapat kesedaran oleh masyarakat.

- a) Sila berikan jumlah kes denggi dan di negeri Pahang dari tahun 2018 sehingga Jun 2020?
- b) Apakah inisiatif yang diambil oleh pihak kerajaan negeri untuk memberi kesedaran kepada masyarakat tentang bahaya wabak ini?
- c) Apakah pihak kerajaan negeri mempunyai pendekatan untuk menarik minat penglibatan golongan belia sebagai sukarelawan mencegah denggi?

JAWAPAN DARIPADA JABATAN KESIHATAN NEGERI PAHANG

- a) Situasi kejadian kes demam denggi di negeri Pahang pada tahun ini menunjukkan peningkatan berbanding tahun 2018 dan 2019. Peningkatan kes demam denggi sebanyak 190% pada tahun 2019 berbanding tahun 2018. Jumlah keseluruhan kes pada 2018 dan 2019 masing masing ialah 989 dan 2,875 kes. Bagi tahun 2020, tren peningkatan terus berlaku. Sehingga Jun, sebanyak 1,478 kes demam denggi telah dilaporkan di negeri Pahang iaitu peningkatan sebanyak 753 kes (104%) berbanding tempoh yang sama pada tahun 2019 iaitu hanya 725 kes. Jadual perbandingan bilangan kes mengikut daerah di negeri Pahang pada tahun 2018, 2019 dan sehingga bulan Jun 2020 adalah seperti berikut:

Perbandingan bilangan kes mengikut daerah di negeri Pahang pada tahun 2018, 2019 dan sehingga bulan Jun 2020.

Daerah	Bilangan Kes		
	2018	2019	2020 (sehingga Jun)
Kuantan	575	1,651	1,043
Rompin	28	101	43
Pekan	56	173	83
Temerloh	107	270	55
Maran	47	160	78
Jerantut	47	125	36
Bera	42	155	31
Raub	28	76	18
Bentong	32	124	44
Lipis	24	36	45
Cameron Highlands	3	4	2
	989	2,875	1,478

- b) JKNP telah mewujudkan pelan mobilisasi sosial dalam menangani denggi di negeri Pahang dan telah dibentangkan dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 19 Disember 2019 yang lalu. Ia merupakan perincian peranan dan tindakan yang perlu dilaksanakan oleh setiap agensi terlibat dalam memastikan kes dan wabak denggi di Pahang dikawal. Meliputi 6 strategi pelaksanaan dengan menekankan 2 mesej utama iaitu "Luangkan 10 Minit Setiap Minggu, Cari dan Musnah Tempat Pembiakan Nyamuk Aedes" dan "Dapatkan Rawatan Segera Jika Demam". Jika semua peranan ini dimainkan oleh setiap agensi yang terlibat, sudah pasti masalah denggi ini dapat ditangani.

Dalam memperkasa komuniti melaksanakan aktiviti-aktiviti pencegahan dan kawalan denggi sendiri, JKNP telah menubuhkan pasukan Sukarelawan COMBI (*Communication for Behavioral Impact*) di peringkat komuniti dengan *tagline* "Dari Komuniti, Kepada Komuniti Untuk Komuniti". Sehingga Disember 2019, sebanyak 161 lokaliti COMBI di negeri Pahang telah ditubuhkan dengan keahlian sukarelawan COMBI seramai 2,356 orang. Angka ini masih rendah jika dibandingkan dengan bilangan penduduk negeri Pahang yang berjumlah 1.7 juta orang. Masyarakat dan ketua komuniti setempat seharusnya mengambil peluang ini untuk mewujudkan sukarelawan COMBI di lokaliti masing-masing dalam tindakan menjaga penduduk di kawasan masing-masing. Bilangan sukarelawan dan pasukan COMBI di negeri Pahang mengikut daerah pada tahun 2019 adalah seperti berikut:

Bilangan Pasukan COMBI dan ahli mengikut daerah pada Tahun 2019

DAERAH	LOKALITI	AHLI
KUANTAN	31	465
PEKAN	9	165
ROMPIN	15	130
TEMERLOH	16	262
MARAN	15	400
BERA	12	137
JERANTUT	12	141
LIPIS	15	190
RAUB	10	72
BENTONG	18	222
CAMERON HIGHLANDS	8	172
JUMLAH	161	2,356

Selain daripada itu, JKNP juga sentiasa membuat penyebaran mesej-mesej berkaitan denggi melalui pelbagai saluran/ *platform*. Ia termasuk saluran media sosial seperti *Facebook*, *Instagram* dan *Twitter* rasmi Jabatan Kesihatan Negeri Pahang. Radio PahangFM turut menjadi medium rasmi penyaluran informasi berkaitan denggi di Pahang dari semasa ke semasa. Melalui kerjasama Jabatan Agama Islam Pahang dan Jabatan Mufti Pahang, JKNP turut menyediakan teks khutbah dan pemakluman kepada masjid serta surau berkaitan denggi dengan anggaran liputan masjid dan surau sebanyak 636 buah di seluruh negeri Pahang.

Senarai topik berkaitan denggi yang telah ke udara di Radio PahangFM dan TV1 serta *Spot Announcement*

Bil.	Perkara	Tajuk	Tarikh
1	Doktor Di Radio Pahang FM	Tiada Aedes Tiada Denggi (Dr. Ahmad Rashidi Bin Abdul Aziz)	4 Februari 2020 (10.15 pagi – 11.00 pagi)
2.	Slot Temu Bual Khas di Radio Pahang FM dan Seleksi Pilihan Selamat Pagi Malaysia RTM	Situasi Denggi Di Kuantan Bersama Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kuantan	8 Mei 2020 8.00 Pagi
3	Doktor Di Radio Pahang FM	Ancaman Denggi Selepas PKP (Dr. Suzana Binti Mohd Hashim) Pakar Perubatan Kesihatan Awam	12 Mei 2020 (10.15 pagi – 11.00 pagi)
4	Slot Temu Bual Khas di Radio Pahang FM dan Seleksi Pilihan Selamat Pagi Malaysia	Situasi Denggi di Negeri Pahang Bersama Dr Mohd Rahim Bin Sulong Pakar Perubatan Kesihatan Awam	5 Jun 2020 8.00 Pagi
5	Slot Temubual Khas di Radio Pahang FM dan Seleksi Pilihan Selamat Pagi Malaysia	Peranan Sukarelawan COMBI dalam Menangani Denggi di negeri Pahang Bersama En. Jasmin Bin Md Kassim Pengerusi COMBI Pahang	18 Julai 2020 8.00 pagi
6	<i>Spot Announcement/Public Announcement</i> Informasi Demam Denggi dari masa ke semasa di Radio PahangFM	Lakonan pendek Pengumuman/Pesanan Ringkas	Setiap hari (1-2 kali selingan)

- c)
- JKNP memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada sukarelawan COMBI melalui Konvensyen Peringkat Kebangsaan dan Peringkat Negeri setiap 2 tahun dan yang terakhir diadakan pada tahun 2019 sekali gus memberi motivasi dan semangat positif kepada para sukarelawan untuk menjaga kawasan penempatan mereka daripada kejadian kes denggi.
 - JKNP turut memperkasa aktiviti pencegahan denggi melalui Program Siswa Sihat (PROSIS) dan mengadakan pertandingan IPT Bebas Denggi pada setiap 2 tahun. Pertandingan ini menjadi pembakar semangat kepada golongan belia untuk memastikan IPT bersih dan mencapai '0' kes denggi. Sehingga kini, sebanyak 6 buah IPT PROSIS terdapat di negeri Pahang.

Senarai Institusi Pengajian Tinggi PROSIS Negeri Pahang

Bil	Nama Institusi
1.	Universiti Tenaga Nasional Kampus Sultan Haji Ahmad Shah Muadzam Shah (UNITEN)
2.	Universiti Teknologi MARA Pahang Kampus Jengka
3.	Universiti Malaysia Pahang (UMP) Kampus Gambang
4.	Universiti Malaysia Pahang (UMP) Kampus Pekan
5.	Kolej Universiti Yayasan Pahang (UCYP) Tanjung Lumpur
6.	Kolej Poly-Tech MARA Kuantan (KPTM)

Konvensyen COMBI Kebangsaan 2021.

Pasukan COMBI digalakkan untuk menghasilkan projek/aktiviti inovasi perkhidmatan/produk bagi meningkatkan kualiti dan produktiviti dari aspek pencegahan dan kawalan Denggi. Untuk mencetuskan idea yang kreatif dan inovatif dalam pelaksanaan aktiviti, satu pertandingan diadakan bagi memberi pengiktirafan terhadap pencapaian mereka. Projek inovasi perkhidmatan dan produk yang diketengahkan untuk dipertandingkan boleh merangkumi apa-apa perubahan dalam bentuk sistem, prosedur, kaedah dan cara bekerja mahupun pengenalan teknologi. Projek inovasi yang dipertandingkan sama ada telah melalui pengubahsuaian, penambahbaikan atau penghasilan baru.

Objektif.

Mempersembahkan idea dan pengalaman projek inovasi yang dilaksanakan sebagai intervensi dalam kawalan dan pencegahan Denggi di kalangan pasukan COMBI.

Anugerah IPTA/IPTS/Politeknik Bebas Denggi 2021.

Cadangan penganjuran pertandingan ini telah pun dipersetujui dan diputuskan melalui Mesyuarat Pasukan Petugas Khas Denggi Peringkat Kementerian Kesihatan Bil. 17/2016.

Matlamat pertandingan.

Menjadikan kawasan IPTA/IPTS dan Politeknik sihat, bersih dan mencapai '0' kes Denggi.

Objektif.

Meningkatkan kesedaran dan memastikan pelaksanaan langkah-langkah pencegahan dan kawalan Penyakit Demam Denggi.

Strategi- *Smart Partnership*.

Kerjasama antara Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan agensi-agensi berkaitan. *Ownership* bersama KKM, KPM dan KPKT.

PROGRAM SISWA SIHAT (PROSIS).

PROSIS adalah berkonsepkan "Dari Siswa, Melalui Siswa, Untuk Siswa". Program ini menggerakkan siswa/siswi Institusi Pengajian Tinggi Awam/Swasta yang dilatih sebagai agen ke arah amalan cara hidup sihat di kalangan siswa/siswi.